

16 DEC 1996

Mahathir-Video

PELUANG BERCAKAP DENGAN PM MENERUSI PERSIDANGAN VIDEO

KUCHING, 16 Dis (Bernama) -- Orang ramai di negeri ini, terutama peserta INFOTECH Malaysia `96, berpeluang bercakap dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sebarang isu melalui persidangan video yang akan diadakan Khamis ini.

Pengurus Perhubungan Luar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) Azlan Ramli berkata mereka boleh mengajukan sebarang pertanyaan pada persidangan itu, tetapi semua soalan mesti terlebih dahulu ditulis dan difakskan ke pejabat Perdana Menteri.

"Mereka (pejabat Perdana Menteri) akan memilih soalan yang terbaik untuk dikemukakan oleh penulis kepada Dr Mahathir pada persidangan video itu," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Orang ramai daripada sebarang latar belakang sosial seperti nelayan, ketua kampung dan petani dipelawa untuk mengemukakan soalan yang terpendam dalam hati mereka, katanya.

Azlan berkata dialog dengan Perdana Menteri itu diadakan sempena persidangan dua hari INFOTECH Malaysia `96 anjuran Majlis Informasi Teknologi Kebangsaan.

"Persidangan dari beberapa lokasi dengan lokasi utama di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur itu akan disiarkan secara langsung ke Sarawak, Sabah, Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang," katanya.

Persidangan itu akan membincangkan pelbagai perkara termasuk Pelan Tindakan Teknologi Maklumat (IT) Kebangsaan, struktur maklumat kebangsaan dan Koridor Raya Multimedia serta pelbagai isu sosial.

Beliau berkata 400 peserta dijangka menghadiri persidangan yang akan diadakan di Unimas, Kota Samarahan, kira-kira 30km dari sini.

Pameran dan demonstrasi pelbagai teknologi IT termasuk pameran pendidikan multimedia oleh pelajar dan kakitangan Unimas juga akan diadakan semasa persidangan itu.

-- BERNAMA

RDY SN AHH